

# ROYCE SALBUTAMOL TABLET

Salbutamol (2mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Royce Royce Salbutamol Tablet 2mg.
2. Bagaimana Royce Salbutamol Tablet 2mg berfungsi.
3. Sebelum mengambil Royce Salbutamol Tablet 2mg.
4. Cara menggunakan Royce Salbutamol Tablet 2mg.
5. Semasa menggunakan Royce Salbutamol Tablet 2mg.
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Royce Salbutamol Tablet 2mg
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Royce Salbutamol Tablet 2mg

Salbutamol digunakan untuk merawat penyakit paru-paru seperti asma, keradangan saluran pernafasan yang berpanjangan dan *emphysema* (kerosakan pundi udara dalam paru-paru).

## Bagaimana Royce Salbutamol Tablet 2mg berfungsi

Salbutamol bertindak dalam paru-paru untuk mengendurkan otot licin saluran pernafasan. Dengan itu ia melegakan kesukaran bernafas atau sempit dan mengurangkan rintangan dalam saluran pernafasan.

## Sebelum mengambil Royce Salbutamol Tablet 2mg

### Bila tidak boleh mengambil:

Jangan ambil Royce Salbutamol Tablet 2mg sekiranya anda:

- alergik terhadap ubat-ubat simpatomimetik (contoh: amphetamines, ephedrine, epinephrine, isoproterenol, metaproterenol norepinephrine, phenylephrine, phenylpropanolamine dan pseudoephedrine terbutaline).
- alergik terhadap salbutamol atau bahan-bahan lain di dalam ubat ini.
- mengalami keguguran terancam semasa trimester pertama atau kedua kehamilan.
- Sedang hamil.

### -Sebelum mula mengambil:

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika:

- anda ada alahan/ alergi terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.
- anda menghidap penyakit jantung termasuk aliran darah yang tidak mencukupi ke otot jantung dan tekanan darah tinggi.
- anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlebih aktif.
- anda menghidap kencing manis.
- anda mempunyai masalah tiroid berlebihan dalam badan.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain:

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan, ini termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi. Doktor anda mungkin perlu menukar dos ubat-ubat anda yang lain atau mengambil langkah berjaga-jaga yang lain. Dalam sesetengah kes, anda mungkin perlu menghentikan pengambilan salah satu ubat. Ini terutamanya kepada ubat-ubat yang disenaraikan di bawah yang diambil bersama-sama dengan Salbutamol:

- Ubat-ubat beta-blocking contohnya propanolol.
- Kortikosteroid.
- Aminophylline atau xanthines lain (untuk rawatan asma).
- Monoamine oxidase inhibitor (untuk rawatan kemurungan).
- Ubat Tricyclic antidepressants.

## Cara menggunakan Royce Salbutamol Tablet 2mg

### -Berapa banyak harus digunakan

- Royce Salbutamol 2mg Tablet mestilah ditelan keseluruhnya dengan segelas air dan tidak boleh dikunyah atau dihancurkan.

### Dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun:

- 1-2 tablet

### Kanak-kanak:

- 2 hingga 6 tahun - 1/2 hingga 1 tablet.
- 6 hingga 12 tahun - 1 tablet.

Disebabkan ada kesan sampingan yang berkaitan dengan dos yang

berlebihan, dos atau kekerapan pengambilan hanya perlu ditambah oleh doktor anda.

### -Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda 3 – 4 kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda kecuali anda mengalami sebarang masalah. Untuk kes ini, periksa dengan doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos tersebut sebaik sahaja teringat. Walaubagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda tidak sengaja mengambil dos yang berlebihan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda, atau hospital yang berdekatan dengan segera. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Beberapa gejala terlebih dos termasuk sakit dada, tekanan darah tinggi, dan menerukkan kesan yang disenaraikan di bahagian kesan sampingan.

## Semasa menggunakan Royce Salbutamol Tablet 2mg

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Simpan RiMUP ini di tempat yang selamat. Anda mungkin ingin membacanya lagi.
- Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau keraguan, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Ubat ini dipreskripsi untuk anda. Jangan beri ubat ini kepada orang lain. Ia mungkin membahayakan mereka, walaupun simptom-simptom yang mereka alami adalah sama dengan anda.

# ROYCE SALBUTAMOL TABLET

Salbutamol (2mg)

- Jangan ambil ubat ini melebihi dos yang dicadangkan kecuali dengan arahan doktor.

#### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jika anda hamil atau menjadi hamil atau menyusu semasa rawatan, anda disarankan agar tidak mengambil salbutamol kecuali atas nasihat doktor anda.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda berasa tidak sihat semasa mengambil Royce Salbutamol Tablet 2mg. Ubat ini membantu kebanyakan orang tetapi ia juga mempunyai kesan sampingan pada sesetengah orang.

Semua ubat boleh memberi kesan sampingan. Kadang-kadang ianya serius tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

Jangan bimbang terhadap kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

- Menggeletar.
- Rasa tegang.
- Pelebaran saluran darah.
- Peningkatan denyutan jantung.
- Tekanan darah tinggi.
- Sakit dada.
- Muntah.
- Rasa berputar.
- Rasa yang luar biasa dan pengeringan atau kerengsaan pada tekak.

Dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi anda untuk maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau tindak balas alahan terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel.:03-78835549 atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Royce Salbutamol Tablet 2mg**

#### -Penyimpanan

Simpan di tempat kering bawah suhu 30°C. Lindungi dari cahaya.

Jauhi dari kanak-kanak.

#### -Pelupusan:

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat Lanjut**

##### -Rupa dan warna produk:

Tablet berwarna putih ke hampir putih, berbentuk bulat, rata, tablet serong di hujung dengan sat ugaris lurus di satu permukaan dan kosong di permukaan sebelah.

##### -Bahan-bahan

-Bahan aktif:  
Salbutamol Sulphate.

##### -Bahan-bahan tidak aktif:

Corn starch, lactose, magnesium stearate dan purified water.

##### -Nombor MAL

MAL19870737AZ

#### **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Royce Pharma Manufacturing Sdn.Bhd.  
PT 1663, Nilai Industrial Estate,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan,  
Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

13/07/2018

#### **Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)100718/00192